

D390

U B643 DEB

MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 28 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBIDAS GOLONGAN TERTENTU DI NEGARA INI YANG SENGAJA TIDAK MAHU MENERIMA HAKIKAT BAHAWA PRESTASI KHIDMAT PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN TELAH BERTAMBAH BAIK.

SEBALIKNYA GOLONGAN INI LEBIH SUKA Mencari-cari kes-kes kegagalan untuk didedahkan, katanya pada perjumpaan Pertubuhan Juru Ukur Malaysia di sebuah hotel terkemuka di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata mereka bertindak demikian kerana berkepentingan sendiri ataupun bermotif politik.

Katanya sikap golongan itu menimbulkan kekecewaan di kalangan kakitangan kerajaan mengakibatkan semangat mereka pudar dan seterusnya hasrat kerajaan untuk mengadakan khidmat yang bersih, cekap dan amanah turut terganggu.

Beliau berkata kerajaan sentiasa berusaha mempertingkatkan mutu dan kecekapan perkhidmatan kerajaan dan sebenarnya banyak kejayaan telah dicapai. -- LAGI.

1749MST 28 06 86

D391

U B644 DEB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMINTA AHLI-AHLI PROFESIONAL SEPERTI PARA JURUUKUR SEPATUTNYA MEMBERI PENGHARGAAN KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN APABILA KENA PADA TEMPATNYA.

Perdana Menteri menggesa pihak swasta memberi sambutan positif terhadap rancangan-rancangan pembangunan kerajaan kerana sokongan semua pihak penting dalam menjamin kejayaannya.

Selain itu, sokongan swasta dapat mewujudkan suasana yang sesuai dan menggalakkan bagi menarik pelabur-pelabur asing menanam modal di Malaysia, katanya.

Beliau berkata kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada pengajian yang membolehkan lebih banyak rakyat menjadi profesional dan pekerja mahir dalam pelbagai bidang.

Menurutnya sehingga akhir 1984, sebanyak 26,000 orang profesional seperti arkitek, jurutera, doktor, akauntan dan juruukur menjadi anggota dalam pertubuhan-pertubuhan profesional dan berharap jumlah itu bertambah pada tahun-tahun akan datang. -- LAGI.

1751MST 28 06 86

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATA PERDANA MENTERI KEWUJUDAN BANYAK PROFESIONAL DAN PEKERJA MAHIR DAPAT MEMASTIKAN KEKAYAAN SUMBER-SUMBER EKONOMI NEGARA DIUSAHA DENGAN BAIK, MALAHAN SUMBER YANG TIDAK EKONOMIK DAPAT DIJADIKAN SUMBER YANG MENGUNTUNGAN.

MENGENAI KHIDMAT JURUUKUR, DATUK SERI DR MAHATHIR MENCADANGKAN MEREKA MENGENAKAN BAYARAN PROFESIONAL MENGIKUT KUANTITI KERJA ATAU BERASASKAN PEKERJA/WAKTU BEKERJA DAN BUKAN SECARA PERATUSAN KOS PROJEK.

BELIAU MENGINGATKAN MEREKA BAHAWA JIKA KOS PERKHIDMATAN PROFESIONAL TIDAK DAPAT DITURUNKAN MENYEBABKAN KOS PENGELUARAN TINGGI, NEGARA TIDAK MUNGKIN DAPAT MENYAINGI USAHA-USAHA YANG SAMA DILAKSANAKAN OLEH NEGARA LAIN.

SEBALIKNYA, UJAR PERDANA MENTERI, PENURUNAN BAYARAN PROFESIONAL AKAN MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN SESUATU PROJEK DAN INI MEMBOLEHKAN NEGARA MENJADI LEBIH BERSAING DI PASARAN DUNIA.

DALAM UCAPANNYA, PRESIDEN PERTUBUHAN ENCIK MOHAMAD FAIZ HAMID MENYERU KERAJAAN MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA ANGGOTA PERTUBUHAN MENJALANKAN KERJA-KERJA MENGUKUR SUPAYA BILANGAN JURUUKUR YANG MENGANGGUR DAPAT DIKURANGKAN.

BELIAU BERHARAP KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MENGHENTIKAN AMALAN MENGENAKAN BAYARAN BAGI Mencari MILIK TANAH DI PEJABAT-PEJABAT TANAH DAN DAERAH KERANA IA SATU SEBAB MENGAPA JURUUKUR MENGENAKAN BAYARAN PROFESIONAL YANG TINGGI KEPADA PELANGGAN. -- BERNAMA
1755MST 28 06 86